



KENYATAAN MEDIA

'SIFAR' MENANG DI *INTERNATIONAL MEDIA FESTIVAL FOR PREVENTION* DI KANADA

KUALA LUMPUR - Lagu "SIFAR" terbitan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dengan kerjasama komposer muda, Asfan Shah, Lady D dan Tripdisk serta rapper Kmy Kmo **dinobatkan sebagai juara** bagi kategori "Music is Key" di **International Media Festival for Prevention (IMFP)** di Toronto, Kanada, malam tadi.

Festival media yang dianjurkan setiap tiga tahun bersempena *World Congress on Safety and Health at Work* ini bertujuan bagi memberi pengiktirafan kepada filem dan hasil multimedia yang bertemakan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. **Sebanyak 289 penyertaan daripada 40 buah negara** telah diterima dan lagu SIFAR muncul sebagai juara dalam kategori Music is Key, salah satu daripada enam kategori yang dipertandingkan.

Bergenre moden kontemporari, SIFAR turut dijadikan runut bunyi (OST) bagi filem **Warkah** terbitan PERKESO pada 2019. Lagu ini mengangkat mesej positif iaitu meningkatkan kesedaran rakyat Malaysia tentang kepentingan perlindungan keselamatan sosial, di samping menyuntik elemen nasihat untuk mencegah kemalangan dalam kalangan generasi muda.

Selain itu, lagu ini turut menyelitkan konsep **Vision Zero** di dalam liriknya. Vision Zero merupakan satu pendekatan strategik terhadap usaha pencegahan kemalangan yang menggabungkan elemen keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan di tempat kerja. Konsep yang mula diperkenalkan oleh Persatuan Keselamatan Sosial Antarabangsa (ISSA) turut mempromosikan amalan penjagaan kesihatan dalam kalangan pekerja

Ketua Eksekutif PERKESO, **Dato' Sri Dr. Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed** berkata, **kemenangan ini adalah suatu hadiah** bukan hanya kepada PERKESO atau artis-artis yang terlibat di dalam penerbitan lagu ini, malah kepada **semua rakyat Malaysia yang baru sahaja meraikan ulangtahun Kemerdekaan negara yang ke-64 dan Hari Malaysia**, minggu

lepas. “Ini juga adalah satu **pengiktirafan kepada kerja keras** PERKESO melalui pelbagai cara selama ini untuk **meningkatkan pemahaman dan kesedaran rakyat Malaysia** terhadap pentingnya **jaringan keselamatan sosial untuk melindungi mereka dan keluarga tersayang,**” **katanya lagi.**

Dr. Mohammed Azman juga berkata, **PERKESO kini sedang giat menyusun strategi dan pendekatan** yang lebih pelbagai, kreatif dan menyeluruh bagi menguar-uarkan mesej mengenai kepentingan mencarum dengan PERKESO, khususnya kepada generasi muda dengan memanfaatkan penggunaan media sosial dan platform digital sebagai salah satu daripada saluran komunikasi utama, di samping platform-platform arus perdana yang lazim.

Ini adalah amat penting sejajar dengan peningkatan tenaga kerja muda dalam pelbagai sektor ekonomi serta peluasan ekonomi gig yang menjadi pilihan ramai anak muda sebagai kerjaya kehidupan kini. Dengan kemenangan ini, PERKESO juga telah mengharumkan nama negara dan mengibarkan bendera Malaysia di persada antarabangsa.

Sejak dilancarkan pada November 2019, lagu SIFAR telah beberapa kali dimuat naik di saluran YouTube dan sehingga kini telah berjaya memperoleh lebih **700 ribu** tontonan. Lagu ini juga boleh ditonton menerusi laman **YouTube rasmi PERKESO** di pautan <https://youtu.be/5hcbcpSLMhc>. Untuk mendapatkan senarai penuh peserta yang layak ke festival media ini, layari <https://mediainprevention.org/en/entries-2021.html>.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi Strategik

23 September 2021

Untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi Izad Hj Raya, Ketua Pegawai Komunikasi di talian +6012 – 6377 890, Shafiq Adnan di talian +6018 – 3246 720 atau S. Retnanathan di talian +6016 – 2555 602.